

BULETIN Geospatial Negeri Perak Edisi 2/2018



GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM



dari meja Penasihat

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Alhamdulillah syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Buletin Geospatial Negeri Perak Edisi 2/2018 dapat diterbitkan dengan jayanya. Terima kasih kepada sidang redaksi yang telah memastikan buletin ini menemui pembacanya.

Peranan Unit PerakGIS sebagai State Geospatial Data Centre (SGDC) semakin meluas selepas Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak Berkaitan Perkongsian Maklumat Geospatial telah dimeterai pada 31 Oktober 2018. Majlis menandatangani Nota Kerjasama ini merupakan langkah *smart partnership process* yang melibatkan kerjasama antara dua (2) organisasi iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Unit PerakGIS bagi perkongsian maklumat dan data kadaster. Untuk menjayakan perkongsian ini, Unit PerakGIS yang berperanan sebagai Pusat Pangkalan Data Geospatial Negeri bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan merangka bentuk perkongsian agar dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berpentingan kepada Kerajaan Negeri Perak.

Unit PerakGIS akan meneruskan peranan untuk menyebarkan info-info teknikal mengenai Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System – GIS) khususnya mengenai aplikasi QGIS. Untuk edisi buletin pada kali ini, beberapa fungsi di dalam Aplikasi Peta Interaktif telah dimasukkan dan diharapkan dapat memberi panduan kepada penggunanya. Selain itu, info-info mengenai Sistem e-Desa juga telah dimuatkan dan diharapkan paparan muka hadapan yang telah dibuat pembaharuan akan lebih mesra pengguna.

Saya berharap Buletin Geospatial Negeri Perak Edisi 2/2018 dapat memberi manfaat kepada semua pembacanya.

Sekian, terima kasih

Rohani binti Md Hashim
Pengarah,
PLANMalaysia@Perak
(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Perak Darul Ridzuan)



SIDANG REDAKSI

Penasihat

Rohani binti Md Hashim

Ketua Editor

Rosmiyani Binti Che Harun

Editor

Mohamad Hafiz bin Mohd Bakhari
Mohd Subari bin Muhamed Jamil
Muhammad Rizal Bin Rosli
Nurul Nadhrah binti Ramli
Aladawiah binti Abdul Latif



E-mel SPAM



E-mel Spam bukan sahaja boleh menyebabkan ketidak selesaan kepada penerima atau mengganggu tugas harian, tetapi dengan kaedah terkini yang semakin berbahaya dan bijak, ia boleh membawa pengguna ke laman sesawang yang berbahaya/palsu di mana wang anda mungkin dicuri, atau berupaya melangkaui *system* penapis e-mel spam.

Telefon pintar boleh dijangkiti oleh virus yang terkandung di dalam e-mel spam, dimanipulasi untuk menghantar sejumlah besar e-mel spam tanpa pengetahuan pengguna.

RISIKO DAN ANCAMAN

Terdapat kes-kes di mana komputer akan menjana sejumlah besar alamat e-mel dan menghantar e-mel secara rawak. Oleh itu, penggunaan alamat e-mel pendek dan nama-nama popular boleh mengakibatkan kemungkinan peningkatan penerimaan e-mel spam.

Sebahagian daripada alamat e-mel sah yang digunakan untuk penghantaran e-mel spam dipungut melalui pendaftaran perkhidmatan palsu secara percuma atau melalui prosedur yang direka. Selain itu, membuka fail yang dilampirkan kepada e-mel atau mengakses pautan dalam e-mel boleh menghalakan kepada satu laman sesawang yang tidak dibenarkan atau dijangkiti virus.

LANGKAH KESELAMATAN

Cuba sekat e-mel spam dengan menggunakan langkah balas keselamatan atau fungsi anti-spam yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan internet atau perisian penapisan.

Jika anda menerima e-mel spam, padam tanpa membukanya. Jangan buka lampiran atau mengakses pautan dari e-mel yang mencurigakan. Ia mungkin juga berkesan dengan memeanjangkan e-mel spam kepada pembekal perkhidmatan atau agensi awam.


Ambil langkah balas keselamatan pada telefon pintar dan juga pada PC.



Fungsi carian (statistik) dapat membantu pengguna mendapatkan maklumat data mengikut daerah, mukim, parlimen dan dun. Modul Balai Polis merupakan sebahagian daripada modul-modul yang terdapat dalam peta interaktif.

Langkah-langkah **Carian** dalam Peta Interaktif PerakGIS adalah seperti berikut :

1. Paparan laman utama Peta Interaktif PerakGIS
 - Klik pada **daftar masuk**.
 - Klik pada **pengguna awam**, kemudian masukkan **id pengguna** dan **kata laluan** yang diberikan.
2. i. Klik ikon **carian**, carian Peta Interaktif PerakGIS akan dipaparkan.
 - ii. Klik arrow kebawah di petak **enjin carian modul peta interaktif**.
 - iii. Arahan **silalah pilih modul** akan dipaparkan dan silalah pilih modul yang dikehendaki.
 - iv. Contoh : **Modul Institusi/Kemudahan Awam** dipilih
 - a) Silalah **Pilih** bahagian **Institusi/Kemudahan Awam** dipaparkan - **Keselamatan**.
 - b) Silalah **Pilih** Bahagian **Keselamatan** dipaparkan - **Polis**
 - c) Silalah **Pilih** Bahagian **Polis** dipaparkan - **Balai Polis**
 - d) Silalah **Pilih** Kawasan dipaparkan - **Daerah**
 - e) Silalah **Pilih** Daerah dipaparkan - **Kinta**
 - f) Silalah **Pilih** Mukim Bagi Daerah Kinta dipaparkan - **Bandar Chemor**
 - g) Klik arrow bahagian bawah untuk memaparkan hasil carian.






MEASURE

PETA INTERAKTIF

Measure adalah untuk mengira jarak mengikut *point* yang telah dibuat.

Berikut adalah langkah-langkah bagi *measure* :



1. Klik ikon *measure* dan klik pada kawasan yang ingin dikira jarak dan luas kawasan.
2. Klik pada kawasan yang ingin ditanda dan dikira sebagai *point* pertama dan seterusnya. Untuk menghentikan *point double* klik pada *point* terakhir.
3. Keputusan jarak dan luas akan dipaparkan.



Query adalah carian di *layer* yang dikehendaki. Pengguna boleh memilih senarai hasil carian dan zoom ke lokasi yang dikehendaki. Bagi edisi kali ini *query* adalah *layer* lot.

Berikut adalah langkah-langkah *query* :

1. Klik *view* kemudian klik *show legend*.
2. *Layer legend* dipaparkan dan aktifkan *layer* lot, kemudian klik lot yang dikehendaki. Sebagai contoh Lot Kinta.
3. Kemudian klik ikon *query*.
4. Isi *table task* yang telah dipaparkan.




'QUICKMAPSERVICES'

QuickMapServices Plugin merupakan salah satu plugin yang digunakan sebagai peta asas ataupun basemap di dalam perisian QGIS. Fungsinya adalah sama seperti *Open Layer Plugin* yang popular dan sering digunakan oleh pengguna QGIS. Seperti *Open Layer Plugin*, *quickmapservices* juga menawarkan peta asas dari sumber *openstreetmap*, *google*, *Bing*, *OSM/Stamen*, *Wikimedia maps*, *OSM/Thunderforest* dan *Applemaps* malahan rangkaiannya lebih luas.

Maklumat terkini, pihak google telah menukar terma penggunaan peta asas mereka (*google maps*) dengan menghadkan kepada 2500 akses sehari sahaja (berdasarkan paparan muka *Pricing Plan, Google Map Platform*). Cara-cara penggunaan *quickmapservices* plugin adalah seperti berikut :

Mulakan aplikasi QGIS dan masukkan Layer yang sedia ada

- 1) Klik pada *Plugins > Manage and Install Plugins*
- 2) Taip pada carian '*QuickMapServices*' > *Install Plugin*
- 3) Klik pada *Web > Klik QuickMapServices > Klik Search QMS*
- 4) Taip *google satellite*
- 5) Automatik senarai peta asas yang berkaitan akan terpapar
- 6) Klik dua kali pada *Google Satellite*



PENGURUSAN JADUAL, SEMAKAN TOPOLOGY DAN QUICKMAPSERVICES

QUANTUM GIS

Pada edisi ini, pengguna akan mempelajari bagaimana untuk pengurusan jadual, semakan *topology* dan penggunaan *QuickMapServices*.





Mendaftar Data Vektor

- Mulakan aplikasi QGIS
- Klik pada menu *Layer > Add Layer > Add Vector Layer*
- Dialog *Add Vector Layer* dipaparkan
Browse data yang akan dimasukkan dan klik *Open*

Pengurusan Jadual 'Table Manager'

Plugin ini telah dicipta sebagai penyelesaian untuk menghapus dan menamakan semula lajur dalam jadual .dbf, apabila tiada penyelesaian terbina dalam QGIS.

- 1) Klik pada *Plugins > Manage and Install Plugins*
- 2) Taip pada carian *Table Manager > Install Plugins*
- 3) Klik pada *vector > Table Manager*
- 4) Pilih salah satu Nama > *Rename* dan masukkan nama yang bersesuaian, kemudian klik *OK*
- 5) Klik *Save* dan *Yes*
- 6) Kolum yang telah diubah nama



SEMAKAN TOPOLOGI


'Topology Checker'

Topology memaparkan perhubungan diantara titik, garisan dan poligon yang mewakili ciri-ciri kawasan geografi. Dengan menggunakan *Topology Checker Plugin*, kita boleh melihat fail vector dan memeriksa topology dengan menggunakan beberapa *topology rules*. Plugin ini dapat membantu untuk mencari kesalahan menerusi senarai *topology rules*.

Pengguna boleh menggunakan data sedia ada sama ada dalam bentuk titik, garisan & poligon.

Mulakan aplikasi QGIS dan masukkan Layer yang sedia ada

- 1) Klik pada *vector > Topology Checker > Ikon Topology Checker's*
- 2) Klik pada *Configure > Pilih layer Batang Padang > Pilih must not overlap*
* *must not overlap* adalah *rules* yang akan menampakkan pertindihan objek
- 3) Klik *Add Rule > Klik Ok*
- 4) Klik *Validade All* (dipaparan *Topology Checker Panel*)
* Paparan akan memaparkan lokasi objek yang bertindih antara satu sama lain
- 5) Pilih satu kesalahan dan paparan akan *zoom* ke objek yang dipilih
* Objek tersebut mempunyai kesalahan bertindih. Pembetulan objek perlu dibuat secara *manual*.



PEMBAHARUAN PAPARAN MUKA HADAPAN PORTAL KAMPUNG SISTEM MAKLUMAT e-DESA

e-DESA

Unit PerakGIS telah memperbaharui paparan muka hadapan kampung bagi sistem maklumat e-Desa pada Oktober 2018 yang lepas. Pembaharuan ini bertujuan untuk menjadikan paparan muka hadapan menjadi lebih interaktif dan mesra pengguna.

Perubahan meliputi ikon di bahagian Perihal, Pentadbiran, Infrastruktur, Aktiviti, Projek, Galeri, Produk dan Daftar Masuk :

Paparan Lama



Paparan Baru



Perubahan juga melibatkan bahagian Perihal Kampung, Sejarah Kampung, dan juga log masuk pengguna ke data pemilikan kampung :

Paparan Lama

PERIHAL KAMPUNG

Pegawai Daerah: Tuan Zamakhshari Bin Hanipah
 Penghulu Mukim: En. Ban Theng a/l Din Ren
 Nama Kampung: Kampung Tasek
 Daerah dan Mukim: HULU PERAK, BELUKAR SEMANG
 Parlimen / DUN: Gerik / Pengkalan Hulu
 Ketua Kampung: Prawat A/L Din Chee Ron
 No. Telefon: 019-3687860

[Log Masuk Pengguna](#)

SEJARAH KAMPUNG

PENDUDUK KAMPUNG (2016)

Taburan Bangsa	BILANGAN	PERATUSAN	Taburan Jantina	BILANGAN	PERATUSAN
MELAYU	42	100%	LELAKI	290	43.28%
CINA	0		PEREMPUAN	380	56.72%
INDIA	0				
LAIN-LAIN KAUM	0				
JUMLAH	42		JUMLAH	670	

Tarikh akhir kemaskini 15 March 2017 4:04pm

Paparan Baru

Info Kampung Tutup X

PERIHAL KAMPUNG

Pegawai Daerah: **Tuan Zulhisham Bin Ahmad Shukori**
 Penghulu Mukim: **En. Ananthirawit a/l Prawat**
 Nama Kampung: **Kampung Tasek**
 Daerah dan Mukim: **HULU PERAK, BELUKAR SEMANG**
 Parlimen / DUN: **Gerik / Pengkalan Hulu**
 Pengerusi Kampung: **Prawat A/L Din Chee Ron**
 No. Telefon: **019-3687860**

Kemaskini: -

Sejarah Kampung **Statistik Penduduk**

PENDUDUK KAMPUNG INDUK (2016)

Taburan Bangsa	BILANGAN	PERATUSAN	Taburan Jantina	BILANGAN	PERATUSAN
MELAYU	0		LELAKI	290	43.28
CINA	42	100	PEREMPUAN	380	56.72
INDIA	0				
LAIN-LAIN KAUM	0				
JUMLAH	42		JUMLAH	670	

Bersambung ke edisi seterusnya...

Nota Kerjasama Antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

INFO PERAKGIS

Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah diadakan pada 31 Oktober 2018 bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Nota kerjasama ini dimeterai bagi mendapatkan persetujuan di antara dua pihak mengenai perkongsian maklumat dan data-data geospasial. Nota kerjasama tersebut ditandatangani oleh YB. Tuan Zainal Azman Bin Abu Seman selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bersama Ketua Pengarah JUPEM YBhg. Datuk Sr. Mohd Noor Isa.



Unit PerakGIS Negeri Perak telah dipilih sebagai agensi pelaksana kerana peranannya merupakan Pusat Pangkalan Data Geospasial Negeri yang mengurus, menyelaras dan membangunkan maklumat geospasial di peringkat jabatan dan agensi di Negeri Perak. Nota kerjasama ini merupakan kaedah *smart partnership process* di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi melancarkan lagi perolehan maklumat, data dan kepakaran yang diperlukan oleh kedua belah pihak. Kerjasama ini juga dapat memberikan nilai tambah kepada data yang sedia ada untuk dianalisis bagi tujuan perancangan pembangunan khususnya di peringkat negeri dan kerajaan tempatan.

Aktiviti : Lawatan JUPEM HQ ke PerakGIS
 Tarikh : 14 Ogos 2018
 Tempat : Bilik Mesyuarat Unit PerakGIS, Bangunan PTTC Ipoh.



Aktiviti : Taklimat Lawatan Tapak Mukim Chenderiang bersama MPKK
 Tarikh : 05 September 2018
 Tempat : Pejabat Penghulu Mukim Chenderiang



Aktiviti : Bengkel Pengemaskinian Data & Sistem Maklumat e-Desa
 Mukim : Mukim Pengkalan Hulu, Mukim Belukar Semang
 Tarikh : 08 - 09 Oktober 2018
 Tempat : PI1M Pengkalan Hulu



Aktiviti : Taklimat Lawatan Tapak Mukim Chenderiang bersama MPKK

Tarikh : 05 September 2018

Tempat : Pejabat Penghulu Mukim Chenderiang



Aktiviti : Bengkel Pengemaskinian Data & Sistem Maklumat e-Desa

Mukim : Mukim Gerik dan Mukim Kenering

Tarikh : 22 , 23 , 24 dan 30 Oktober 2018



AKTIVITI UNIT PERAKGIS DARI JULAI HINGGA DISEMBER 2018



Aktiviti : Pameran Majlis Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Muallim & Sebahagian Daerah Batang Padang 2035
Tarikh : 23 Oktober 2018
Tempat : Dewan Seri Tanjung, MDTM



Aktiviti : Pameran sempena Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak berkaitan Perkongsian Data Geospasial
Tarikh : 31 Oktober 2018
Tempat : Bilik Gerakan Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan



Aktiviti : Pameran Sempena Kuala Lumpur Planning Dialogue (KLPD) 2018 PLANMalaysia dan PLANMalaysia@Kedah

Tarikh : 12 November 2018

Tempat : UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar



Aktiviti : Lawatan Teknikal PLANMalaysia@Kedah ke Unit PerakGIS Negeri Perak

Tarikh : 15 November 2018

Tempat : PLANMalaysia@Perak



